

24 SEP 1999

Khalil-BN

"MAJORITI SENYAP" MELAYU MAHU BN TERUS PERINTAH NEGARA

PUTRAJAYA, 24 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim diracun tidak menjejaskan momentum sokongan orang Melayu kepada Barisan Nasional kerana "majoriti senyap" masyarakat mahukan BN terus memerintah negara ini.

Katanya, daripada maklumat balas yang diterima, dakwaan itu tidak menjejaskan sokongan kepada BN yang semakin bertambah berikutan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri-negeri baru-baru ini.

"Majoriti senyap ini mahu kerajaan teruskan proses pembangunan yang ada. Siapa yang tidak mahu pembangunan dan kemajuan... yang mereka tidak mahu ialah pergeseran antara sesama sendiri dan dengan kaum lain," Khalil, Menteri Penerangan, selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat di sini hari ini.

Katanya, majoriti rakyat ini mahukan negara yang aman damai dan kestabilan politik yang berterusan dan ini hanya dapat dilakukan oleh BN yang mempunyai pencapaian baik dan terbukti.

Khalil berkata dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri itu diracun tidak perlu dipolitikkan dan tidak memberi sebarang kelebihan kepada pembangkang kerana orang ramai boleh menilai sendiri kedudukan sebenarnya.

"Orang kampung pun tahu erti politik...jangan perkecilkan pemikiran mereka. Mungkin hari pertama atau kedua adalah sedikit simpati, itu sahaja," kata beliau.

Khalil berkata rakyat negara ini tidak mahu melihat unsur-unsur keterlaluan dan kekerasan dan sebaliknya beliau meminta parti-parti pembangkang bertanding dalam pilihan raya dan menyerahkan kepada rakyat membuat penghakiman.

Bagaimanapun, katanya, parti pembangkang tidak ada rekod pencapaian untuk ditunjukkan, termasuk PAS, walaupun ia telah lama ditubuhkan.

"Ini berbeza dengan BN yang tindakannya diteliti setiap hari. Semasa pilihan raya, kita boleh yakinkan rakyat apa yang kita telah buat," katanya.

Mengenai tindakan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor mempertahankan tindakan pemimpin bukan Islam berceramah di Masjid Negara Ahad lepas, Khalil berkata ia berbeza dengan sikap PAS terhadap UMNO kerana berkawan dengan parti bukan Islam dalam BN.

"PAS menuduh UMNO kafir walaupun belum (membawa orang bukan Islam) masuk masjid... tetapi (pembangkang membenarkan mereka masuk masjid) kerana baru berkawan dengan bukan Islam," katanya.

"Mereka sudah maju setapak lagi. Dulu kata kita kafir...kena batang hidung sendiri apa hukumnya?" tanya beliau.

Fadzil baru-baru ini menyatakan bahawa tindakan itu tidak berniat mencela Islam sebaliknya semata-mata menegakkan keadilan bagi membela orang Islam daripada terus difitnah.

Dalam perhimpunan membabitkan penyokong Anwar, tiga pemimpin bukan Islam dari Parti Keadilan Nasional dan DAP berucap dari anjung Masjid Negara.

-- BERNAMA

AR NMO